

## ASPEK SOSIOLOGI FILEM *PENDEKAR BUJANG LAPOK* (1959)

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[nurafifah@ukm.edu.my](mailto:nurafifah@ukm.edu.my)

INTAN ZAINATUL MARIA BINTI ZAINUDIN  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[intanzmaria@gmail.com](mailto:intanzmaria@gmail.com)

### ABSTRAK

Filem *Pendekar Bujang Lapok* (PBL) (1959) arahan P. Ramlee diterbitkan pada era awal kemerdekaan Tanah Melayu. Filem ini adalah filem Melayu pertama menerima anugerah Filem Komedi Terbaik di Festival Filem Asia Pasifik ke-6. Walaupun PBL bergenre komedi, filem ini sarat dengan pemaparan pelbagai isu masyarakat Melayu pada ketika itu. Namun begitu, kandungan filem ini masih belum dikaji secara mendalam sebagai salah satu bahan ekspresi budaya masyarakat tempatan era awal kemerdekaan Tanah Melayu oleh sarjana bidang pengajian filem Melayu mahupun pengajian budaya. Komponen isi atau tema dalam pendekatan Sosiologi Sastera sebagai Gambaran Masyarakat (SSSGM), diaplikasi bagi meneliti budaya masyarakat Melayu yang dipaparkan dalam filem PBL. Penelitian ini ditumpukan kepada isu sosial, ekonomi dan politik masyarakat Melayu dalam filem tersebut. Data bagi artikel ini diperolehi dengan bersandarkan kajian kualitatif. Kaedah perpustakaan adalah instrumen kajian utama bagi meneliti buku-buku, artikel jurnal, tesis, kertas kerja dan transkripsi dialog filem PBL. Dapatan kajian yang didokumentasi dalam artikel ini adalah, filem PBL cenderung mengetengahkan aspek sosial masyarakat Melayu yang pelbagai, antaranya agama, pendidikan, kekeluargaan, nilai dan moral. Manakala aspek ekonomi dan politik masyarakat Melayu ditonjolkan secara tidak langsung dalam filem ini. Aspek ini dipaparkan melalui pelbagai bentuk pekerjaan kampung, kedudukan ekonomi dan hirarki sosial watak-watak yang menggerakkan konflik dalam plot filem ini. Manakala aspek politik, iaitu sikap negatif penjajah Jepun dan British dipaparkan melalui watak dan perwatakan secara tersirat.

**Kata kunci:** budaya Melayu; kritikan filem; *Pendekar Bujang Lapok* (1959); P. Ramlee; sosiologi sastera

## SOCIOLOGICAL ASPECT OF *PENDEKAR BUJANG LAPOK* (1959)

### ABSTRACT

*Pendekar Bujang Lapok* (PBL) (1959) was directed by P. Ramlee and was produced during the early independence era of Malaya. This was the first Malay film to receive the Best Comedy Film Award at the 6th Asia Pacific Film Festival. Although the genre of this film is comedy, it portrays various issues among the Malay community during that era. However, the content of this film has yet to be studied in depth as part of the local cultural expression materials during the early independence era of Malaya by either the field of Malay film or cultural studies scholars. Thus, the content aspect in Literary Sociology as Reflection of Society is applied as

the research framework to study the Malay culture portrayed in *PBL*. This study focuses on social, economy and politic aspects of the Malays portrayed in the film. Data for this study was collected through a fundamental research type with a qualitative research design. Library research was the main research instrument employed to gather data from books, journal articles, theses, working papers and transcribed dialogues from the *PBL* film. The findings documented in this article are that, *PBL* portrays more on the various social aspects of the Malays, such as religion, education, family, values and morale. The economy and political aspects of the Malays are portrayed indirectly through the portrayal of various manual works, economic standings and social hierarchy of the characters that move the conflict in the plot of this film. Meanwhile, the political aspect portrays the negative attitude of the Japanese and British colonization through subtle characters and characteristics.

**Keywords:** Malay culture; film criticism; *Pendekar Bujang Lapok* (1959); P. Ramlee; literary sociology

### **PENGENALAN**

P. Ramlee adalah seorang pembikin filem Melayu yang sangat sinonim dengan pengarah filem bergenre komedi. 18 daripada 34 buah filem arahan beliau merupakan filem bergenre komedi (Khairul Aidil Azlin Abd Rahman & Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2005). Filem *PBL* (1959) merupakan filem komedi pertama arahan beliau yang berjaya dinobatkan sebagai Filem Komedi Terbaik dalam Festival Filem Asia Pasifik ke-6 yang diadakan di Kuala Lumpur. Hal ini sekaligus telah melonjakkan nama P. Ramlee selaku pengarah filem Melayu pertama yang memenangi anugerah tersebut.

Filem *PBL* (1959) memaparkan realiti masyarakat Melayu pada penghujung era pemerintahan British di Tanah Melayu (Mohd Fadzil, Badrul, Roslina, 2016). Sekitar tahun 1950-an. *PBL* (1959) mengisahkan tentang tiga sahabat iaitu Ramli, Sudin dan Ajis. Pada suatu hari, mereka melihat kehebatan Pendekar Mustar yang berjaya menundukkan dua orang samseng muda di penambang dengan ilmu persilatan. Mereka berasa kagum dan mengambil keputusan untuk mempelajari ilmu persilatan. Setelah berhadapan dengan pelbagai konflik, ketiga-tiga sahabat tersebut akhirnya digelar ‘Pendekar Bujang Lapok’.

Setakat ini, kajian yang melibatkan filem *PBL* (1959) oleh sarjana bidang pengajian filem Melayu mahupun pengajian budaya mengenai ekspresi budaya masyarakat tempatan adalah terhad. Di dalam bidang pengkajian filem terdapat lebih dari enam buah kajian lepas tentang filem-filem komedi P. Ramlee, namun hanya terdapat dua kajian yang menyentuh mengenai filem *PBL* (1959). Walau bagaimanapun, kajian tersebut dikaji dari sudut bentuk komedinya dan kajian yang memfokuskan mengenai budaya sosial masyarakat Melayu tidak dikaji secara mendalam dan menyeluruh. Hal ini mewujudkan jurang ilmu yang sangat ketara kerana selaku filem komedi Melayu pertama yang memenangi anugerah Filem Komedi Terbaik, filem *PBL* (1959) pastinya memperlihatkan kekuatannya tersendiri dari aspek pemaparan budaya masyarakatnya (FINAS 2016). Memandangkan terdapatnya jurang ilmu bagi filem *PBL* (1959) dalam konteks budaya masyarakat Melayu, maka artikel ini bertujuan menghuraikan aspek sosiologi masyarakat Melayu dalam filem *PBL* (1959).

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Setakat ini terdapat tujuh buah penulisan lepas yang mengangkat filem-filem arahan P. Ramlee sebagai subjek kajian. Penulisan-penulisan lepas ini membincangkan filem-filem arahan P. Ramlee dari pelbagai aspek, antaranya adalah gaya pengarahannya, idiosinkrasi komedi, aspek sosial dan bentuk komedi. Filem-filem P. Ramlee yang diangkat sebagai bahan kajian adalah *Penarek Beca* (1955), *Bujang Lapok* (1957), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Musang Berjanggut* (1959), *Antara Dua Darjat* (1961), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961), *Seniman Bujang Lapok* (1961), *Ibu Mertuaku* (1962), *Labu Labi* (1962), *Nasib Si Labu Labi* (1963), *Tiga Abdul* (1964), *Madu Tiga* (1964), *Masam-Masam Manis* (1965), *Do Re Mi* (1966), *Nasib Do Re Mi* (1966), *Sabaruddin Tukang Kasut* (1966), *Keluarga 69* (1967), *Anak Bapak* (1968), *Ahmad Albab* (1968) dan *Laksamana Do Re Mi* (1972). Penulisan-penulisan lepas ini dihasilkan oleh Masturah Muhammad (2006), Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2005), Baizatul Hanim (2007), Mohd Fauzi (2015), Syed Muhd Khairuddin Aljunied (2015), Suhanim Abdullah dan Rosnaaini Hamid (2017) serta Ayu Haswida Abu Bakar (2020).

Penulisan artikel jurnal yang bertajuk *Prinsip dan Bentuk Filem dalam Filem Nujum Pak Belalang* (1959), yang ditulis oleh Masturah Muhammad (2006) membincangkan mengenai bentuk filem *Nujum Pak Belalang* (1959). Pengkaji telah menggunakan prinsip filem yang dianjurkan oleh Bordwell dan Thompson yang merujuk kepada fungsi atau peranan secara keseluruhan seperti penggunaan kamera, kostum dan perkara yang terdapat dalam sesebuah filem. Prinsip filem yang dimaksudkan dalam filem ini lebih merujuk kepada kesamaan dan perulangan (*similarity and repetition*), perbezaan dan variasi (*difference and variation*) serta kesatuan dan ketidaksatuan (*unity / disunity*). Kajian ini telah menemui bahawa filem *Nujum Pak Belalang* (1959) berjaya sebagai sebuah filem yang berbentuk komedi kerana bukan sahaja kandungannya mencakupi bentuk filem tetapi turut diterima penonton pelbagai lapisan umur dan masyarakat. Jika kajian ini lebih tertumpu kepada peranan P. Ramlee sebagai pengarah filem, namun kajian yang bertajuk *Aspek Sosiologi Filem Pendekar Bujang Lapok (1959)* menumpukan fokusnya kepada filem *PBL* (1959) manakala kajian yang dijalankan oleh Masturah ini adalah berkaitan dengan filem *Nujum Pak Belalang* (1959).

Di dalam artikel jurnal oleh Khairul Aidil Azlin Abd Rahman dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2005) telah meneliti *Idiosyncrasy P. Ramlee dalam Genre Filem komedi* iaitu kajian terhadap struktur filem genre komedi dan mode komedi visual telah membuktikan P. Ramlee mempunyai format pengarahannya, lakonan aliran dan subgenre tersendiri. Kajian ini menyatakan bahawa P. Ramlee mengaplikasikan teknik visual komedi berbanding dengan komedi yang disampaikan melalui dialog. Filem komedi telah dibahagikan kepada beberapa bentuk iaitu *slapstick*, *sophisticated*, *farce*, *comedian or clown about average people*. Pengkaji juga mendapati filem *Keluarga 69* (1967) kurang mengaplikasikan kaedah visual komedi manakala filem *Laksamana Do Re Mi* (1972) pula mengaplikasikan kaedah visual komedi secara maksima melalui teknik slapstick. Pengkaji juga mendapati bahawa filem *Seniman Bujang Lapok* (1961) pula menekankan aspek mime, bahasa pergerakan badan, jenaka dan perwatakan untuk menyuntik nilai komedi. Bagi kaedah surealisme pula, filem *Musang Berjanggut* (1959) dan *Sabaruddin Tukang Kasut* (1966) menggunakan kaedah ini untuk memperlihatkan nilai komedinya. Selain itu juga pengkaji juga membahagikan filem-filem arahan P. Ramlee kepada tiga subgenre utama komedi iaitu rencam-fantasi, rencam-realiti dan kombinasi *farce* realiti dan fantasi. Filem-filem kumpulan rencam realiti adalah seperti *Masam-Masam Manis* (1965), *Bujang Lapok* (1957) dan *Anak Bapak* (1968). Manakala filem-filem kategori rencam fantasi adalah seperti *Ahmad Albab* (1968), *Musang Berjanggut* (1959) dan *Sabaruddin Tukang Kasut*

(1966). Filem-filem kombinasi *farce* realiti dan fantasi termasuklah *Laksamana Do Re Mi* (1972), *Labu Labi* (1963), *Do Re Mi* (1966) dan *Ali Baba Bujang Lapok* (1961). Pengkaji juga mendapati bahawa filem-filem komedi P. Ramlee juga mempunyai format berbentuk pengulangan yang dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori pertama adalah tiga watak sekawan baik iaitu seperti filem *Bujang Lapok* (1957), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Seniman Bujang Lapok* (1961), *Do Re Mi* (1966), *Nasib Do Re Mi* (1966), dan *Laksamana Do Re Mi* (1972). Kategori kedua pula adalah dua atau tiga watak bersaudara /isteri /anak di dalam sebuah keluarga seperti filem *Tiga Abdul* (1964), *Madu Tiga* (1964), *Keluarga 69* (1967), *Ahmad Albab* (1968), *Anak Bapak* (1968), *Nujum Pak Belalang* (1959), *Sabaruddin Tukang Kasut* (1966) dan *Masam-Masam Manis* (1965). Manakala kategori ketiga adalah dua atau tiga watak rakan sekerja di tempat yang sama yang melibatkan filem *Musang Berjanggut* (1959), *Ali Baba Bujang Lapok* (1961), *Labu Labi* (1963) dan *Nasib Labu Labi* (1963). Jurnal artikel ini dijadikan rujukan bagi memahami bentuk-bentuk filem komedi.

Selain itu, tesis sarjana yang dijalankan oleh Baizatul Hanim (2007) yang bertajuk *Antara Dua Darjat : Perbezaan Sosial Masyarakat Melayu dalam Filem P. Ramlee* telah membincangkan mengenai pemaparan persoalan ketidaksamaan sosial, konflik dan perjuangan yang terdapat dalam beberapa filem arahan P. Ramlee iaitu filem *Penarek Beca* (1955), *Ibu Mertuaku* (1962), *Antara Dua Darjat* (1961), *Bujang Lapok* (1957), *Labu Labi* (1962) dan *Nasib Labu Labi* (1963). Baizatul telah menggabungkan dua konsep iaitu konsep kelas oleh Karl Marx dan konsep status oleh Max Weber. Hasil kajian mendapati kesemua filem yang dikaji mengangkat pengajaran tentang persoalan ketidaksamaan sosial. Walaupun kajian ini mengkaji tentang perbezaan sosial masyarakat dalam karya P. Ramlee, namun ianya difokuskan kepada filem *Penarek Beca*, *Ibu Mertuaku*, *Antara Dua Darjat*, *Bujang Lapok*, *Labu Labi* dan *Nasib Labu Labi* dan Baizatul tidak mengkaji filem *PBL*. Selain itu juga, tesis ini dijalankan dengan melihat filem sebagai sebuah wadah sindiran tentang fenomena yang berlaku pada masa itu ke atas golongan bawahan terutamanya orang Melayu. Namun, filem-filem yang dikaji di dalam kajian ini tidak melibatkan filem *PBL* (1959). Walau bagaimanapun, tesis ini dapat dijadikan panduan di dalam merangka kajian mengenai aspek sosial dalam masyarakat.

Di samping itu, Mohd Fauzi (2015) dalam artikel jurnal bertajuk *Analisis Tindak Tutur Performatif dalam Filem Musang Berjanggut Karya P. Ramlee* dan telah mengaplikasi pendekatan deskriptif kualitatif. Kajian mendapati bahawa filem *Musang Berjanggut* (1959) terdapat banyak tindak tutur performatif seperti representatif (tuturan yang mengikat penuturnya akan kebenaran atas apa yang diujarkan), direktif (arahan yang dituturkan oleh penuturnya), ekspresif (mengekspresikan niat sebenar melalui pertuturan), komisif (tindakan penutur untuk melaksanakan apa yang dituturkan), dan deklaratif (menyatakan / mengesahkan apa yang dituturkan oleh si penutur) yang dipaparkan menerusi dialog-dialog dalam filem ini. Pengkaji juga telah merumuskan bahawa tindak tutur performatif, watak utama Tun Nila Utama dan Puspawangi, Pengarah telah membuat suatu kritikan terhadap pembesar-pembesar kerajaan yang mudah terpesona kepada perempuan cantik. Kajian ini mengkaji analisis dialog bagi filem *Musang Berjanggut* dan bukannya kajian mengenai budaya masyarakat dalam filem *PBL*. Walaubagaimanapun, artikel ini menjadi rujukan dalam memahami bagaimana dialog dalam sebuah filem menyampaikan makna yang tersirat.

Syed Muhd Khairuddin Aljunied (2015) dalam makalahnya yang bertajuk *Films as Social History P. Ramlee's "Seniman Bujang Lapok" and Malays in Singapore (1950s-60s)* menjelaskan bahawa filem *Seniman Bujang Lapok* (1961) memang merupakan sumber sejarah yang berguna untuk sejarah sosial orang Melayu pada tahun 1950-an dan 1960-an di Singapura.

Di dalam makalah ini juga dinyatakan kesan pendudukan Jepun, cabaran moden, ketegangan dalam memahami Islam dan kemiskinan mencerminkan perjuangan peribadi P. Ramlee serta cabaran dan kebimbangan yang dihadapi oleh orang Melayu pada masa itu. Makalah yang ditulis oleh Syed Muhd Khairuddin ini hanya melibatkan filem *Seniman Bujang Lapok* dan tidak menyentuh mengenai filem *PBL* (1959). Namun begitu, kajian ini dijadikan rujukan dalam memahami sejarah sosial orang Melayu sekitar tahun 1950-an dan 1960-an.

Manakala penulisan jurnal oleh Suhanim Abdullah dan Rosnaaini Hamid (2017) yang bertajuk *Perceraian dan Rujuk dalam Filem Madu Tiga* telah membincangkan persoalan talak dan rujuk. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan pengumpulan data video dan skrip filem *Madu Tiga* (1964) melalui penelitian terhadap perlakuan dan dialog watak-watak dalam filem *Madu Tiga*. Hasil kajian menunjukkan tidak berlaku perceraian apabila seorang suami tidak melafazkan sendiri perkataan ‘cerai’ terhadap isterinya. Pengkaji berpendapat bahawa perceraian juga tidak berlaku jika suami tidak berniat untuk menceraikan isterinya. Kajian ini hanya memfokuskan hukum lafaz cerai dalam filem *Madu Tiga*. Kajian ini juga berlainan dengan kajian yang dijalankan dalam tajuk *Aspek Sosiologi Filem Pendekar Bujang Lapok* (1959). Teori atau pendekatan juga tidak dijelaskan dengan terperinci.

Ayu Haswida Abu Bakar (2020) dalam artikel jurnalnya yang bertajuk *Comedy Films of Malaysian Studio Era: A Social Culture Criticism* telah membincangkan mengenai fungsi filem komedi sebagai medium kritikan. Ayu Haswida mengemukakan pernyataan masalah iaitu filem komedi di Malaysia sering dikategorikan sebagai filem yang berkualiti rendah tanpa mementingkan isi cerita oleh media cetak. Kajian ini menyatakan bahawa genre komedi Malaysia adalah dipengaruhi oleh peristiwa dan perubahan sosio-politik. Oleh itu, kajian ini menyenaraikan tiga filem komedi arahan P. Ramlee iaitu *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Nujum Pak Belalang* (1959) dan *Madu Tiga* (1964) sebagai subjek kajian bagi mengkaji budaya sosial. Reka bentuk penyelidikan memberi tumpuan kepada pendekatan penyelidikan kualitatif secara deduktif menerusi kaedah analisis teks melalui naratif, plot serta watak dan perwatakan. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga filem ini menampilkan kritikan P. Ramlee mengenai budaya orang Melayu pada zaman filem ini diterbitkan seperti ilmu persilatan dan status sosial. Walaupun kajian ini menyentuh mengenai filem *Pendekar Bujang Lapok* (1959), namun begitu kajian ini tidak dijalankan secara mendalam bagi aspek budaya masyarakatnya. Walaubagaimanapun, kajian ini dijadikan rujukan dalam merangka kajian bagi tajuk *Aspek Sosiologi Filem Pendekar Bujang Lapok* (1959).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk fundamental bersandarkan rekabentuk kajian kualitatif sebagai instrumen untuk memperolehi data. Kaedah kepustakaan adalah instrumen kajian utama dengan meneliti buku-buku, artikel jurnal, tesis, kertas kerja dan transkripsi dialog filem *PBL* (1959). Bagi merungkai objektif kajian ini, maka artikel ini mengaplikasikan aspek isi atau tema dalam Pendekatan Sosiologi Sastera sebagai Gambaran Masyarakat (SSSGM). Selain itu, di dalam menjalankan penelitian terhadap aspek sosiologi ke atas filem *PBL* (1959), terdapat tiga langkah yang perlu dituruti. Pertama, tontonan terhadap filem *PBL* (1959) dijalankan bagi mendapat gambaran awal secara keseluruhan tentang filem ini. Kedua, filem *PBL* (1959) ini ditonton kali kedua untuk mengenalpasti budaya masyarakat yang dipaparkan. Manakala langkah ketiga adalah budaya masyarakat yang telah dikenalpasti dikategorikan mengikut tiga pecahan iaitu isu sosial, ekonomi dan politik.

## KOMPONEN ISI ATAU TEMA DALAM PENDEKATAN SOSIOLOGI SASTERA SEBAGAI GAMBARAN MASYARAKAT (SSSGM)

Terminologi sosiologi telah dicipta oleh sarjana Auguste Comte yang berasal daripada perkataan dalam bahasa Latin, iaitu *socio* yang bermaksud berkongsi. Comte merupakan seorang ahli falsafah Perancis yang berpendapat bahawa ilmu sosiologi adalah suatu ilmu tentang kehidupan sosial atau budaya kemasyarakatan (Roucek & Warren, 1979). Sosiologi menurut Roucek dalam buku bertajuk *Sciology: An Introduction* telah mendefinisikannya sebagai ‘*sociology is the study of human beings in their group relationship*’ (1968), atau lebih mudah difahami sebagai kajian yang menekankan interaksi di dalam dan di antara kumpulan manusia. Manakala Sosiologi Sastera pula didefinisikan sebagai wujudnya kaitan antara sastera dan masyarakat dalam karya yang dihasilkan (Ungku Maimunah, 2006).

Menurut penulisan jurnal oleh Ungku Maimunah yang bertajuk *Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden* (2006), Sosiologi Sastera sebagai Gambaran Masyarakat (SSSGM) adalah kajian yang difokuskan kepada teks semata-mata dalam menyerlahkan gambaran masyarakat seperti yang tertera dalam teks sastera yang dikaji. Kajian bentuk SSSGM ini juga adalah kajian intrinsik tetapi lebih ditumpukan kepada gambaran masyarakat dalam sebuah teks. SSSGM juga dikatakan sebagai sebuah bentuk kritikan ‘sosiologi sastera’ yang paling dominan (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 2006). Melalui penulisan jurnal yang sama, beliau turut menyatakan bahawa pemusatan kepada aspek instrinsik teks biasanya dibahagikan kepada dua komponen dan salah satu daripada komponen tersebut dipanggil sebagai komponen isi atau tema. Aspek kajian bagi komponen isi atau tema ini merangkumi kajian mengenai isu masyarakat di dalam karya seperti isu sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Isu sosial pula dianalisis melalui isu yang berkait rapat dengan manusia dan perilakunya. Penelitian dijalankan terhadap aspek kehidupan sosial masyarakat seperti agama, pendidikan, institusi kekeluargaan serta nilai moral dan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat yang dipaparkan melalui filem *PBL* (1959). Sementara itu, penelitian terhadap aspek ekonomi pula merangkumi hubungan antara manusia dalam suatu kelompok kerja. Hal ini membawa maksud bahawa isu ekonomi adalah suatu aspek kajian tentang ekonomi masyarakat melalui isu kemiskinan dan bidang pekerjaan atau aktiviti dalam mencari sumber rezeki untuk meneruskan kehidupan. Manakala di dalam aspek politik, penelitian dijalankan dengan menghuraikan aspek kekuasaan dalam suatu negara. Aspek politik ini meliputi kajian tentang perjuangan untuk memperolehi serta mempertahankan kekuasaan negara. Selain itu juga, aspek pembangunan negara yang terdapat dalam karya juga diteliti dalam menemukan hasil kajian terhadap kritikan sosial dalam filem *PBL* (1959). Walaupun pendekatan ini merupakan pendekatan sastera, namun pendekatan ini sangat sesuai diaplikasikan kerana fokus terarah kepada kajian yang berkaitan dengan sosiologi. Gambaran masyarakat merupakan kajian yang bersifat sosiologi yang mana hal ini mempunyai persamaan dengan fokus kajian yang mengkaji cerminan budaya dalam masyarakat.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian mendapati bahawa isu sosial merupakan aspek yang cenderung dibincangkan berbanding dengan isu ekonomi dan politik apabila menyentuh mengenai budaya masyarakat Melayu di dalam filem *PBL* (1959). Di bawah merupakan perbincangan dan analisis filem *PBL* (1959). Maka, perbincangan dan analisis dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian

pertama adalah isu sosial dan bahagian kedua adalah isu ekonomi. Manakala bahagian terakhir atau bahagian ketiga adalah perbincangan mengenai isu politik.

### **i. Isu Sosial**

Isu sosial merupakan isu yang mendominasi aspek sosiologi budaya masyarakat di dalam filem *PBL* (1959). Terdapat lima pecahan aspek yang dibincangkan di bawah tajuk ini. Lima pecahan aspek sosial tersebut adalah agama, budaya, pendidikan, institusi kekeluargaan, nilai moral serta kepincangan sosial masyarakat.

Di dalam membincangkan aspek agama di dalam filem *PBL* (1959), P. Ramlee telah memaparkan mengenai masyarakat Melayu Islam yang majoritinya melanggar norma agama atau syariat. Kepincangan dari sudut agama ini diperlihatkan dengan wujudnya masyarakat yang meletakkan kepercayaan terhadap amalan-amalan karut yang menyesatkan. Amalan-amalan tersebut adalah kepercayaan terhadap 'hantu', pemakaian susuk dan pembacaan mantera. Kesemua perkara ini merupakan amalan yang mendatangkan dosa besar yang boleh membawa kepada perbuatan syirik dan penyelewengan akidah. Selain itu, amalan-amalan ini juga ini adalah dilarang di dalam Islam kerana timbulnya keyakinan bahawa ada benda atau unsur lain yang lebih berkuasa selain Allah SWT. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu pada ketika itu masih mengamalkan kepercayaan yang bersifat *supernatural* berdasarkan dogma animisme dan hinduisme (Buerah Tunggak & Hussin Salamon, 2011); (Muhd Abdul Hadi Johari & Ahmad Hakimi Khairuddin, 2018).

Walau bagaimanapun, P. Ramlee juga menyelitikan bahawa wujudnya juga masyarakat yang masih meletakkan kebergantungan mereka kepada Allah menerusi amalan berdoa. Beliau tidak hanya memaparkan kejahilan masyarakat terhadap agama sahaja, namun beliau juga mengimbangnya dengan meletakkan elemen doa sebagai salah satu perkara penting dalam kehidupan umat Islam. Hal ini demikian kerana, menurut kepercayaan penganut agama Islam yang beriman, doa merupakan senjata (Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Mohd Ajib Ismail, 2020). Senjata yang dimaksudkan adalah merujuk kepada fungsi doa sebagai indikator kebergantungan kepada Maha Pencipta agar pekerjaan yang dilakukan atau hajat yang dipohon diberkati.

Selain daripada aspek agama, aspek budaya juga turut dibincangkan dalam filem *PBL* (1959) ini. P. Ramlee mengenengahkan dua unsur budaya dalam filem ini seperti seni persilatan dan pemaparan pakaian Melayu dalam mengangkat nilai budaya masyarakat Melayu yang terkenal dengan adab kesopanan yang tinggi. Bagi seni persilatan, P. Ramlee telah membicarakan bahawa seni mempertahankan diri ini adalah suatu unsur penting yang ditekankan dalam penceritaan *PBL* (1959). Hal ini demikian kerana seni persilatan inilah yang membawa Ramli, Sudin dan Ajis ke Kampung Pinang Sebatang. Sementara itu, melalui pakaian, budaya suatu bangsa itu turut dapat ditonjolkan. Di dalam filem *PBL* (1959) ini, pemaparan masyarakat Melayu diolah kemas oleh P. Ramlee melalui aspek pakaian. Watak-watak lelaki di dalam filem *PBL* (1959) ini cenderung mengenakan pakaian tradisi Melayu seperti kain pelikat dan bertengkolok. Hal ini demikian kerana busana atau pakaian dan destar merupakan aspek budaya yang membuktikan kewibawaan adat Melayu (Nur Azimah Mohd Bukhari, Puteri Roslina Abdul Wahid & Nurul Haniza Samsudin, 2020). Watak-watak ini juga mengenakan pakaian yang sopan di mana tiada adegan yang menunjukkan watak lelaki ini menonjolkan aurat mereka. Walaupun terdapat adegan yang menunjukkan watak lelaki tidak memakai baju dan hanya memakai seluar bersama kain pelikat, namun aurat mereka masih dijaga. Begitu juga dengan kaum wanita. Kaum wanita yang dipaparkan di dalam filem *PBL* (1959) ini cenderung mengenakan pakaian seperti baju kurung dan baju kebaya labuh tidak

kira pakaian rasmi mahupun basahan. Potongan pakaian tersebut juga tidak menonjolkan bentuk tubuh badan dan tidak 'mencolok mata'. Walaupun mereka ini tidak mengenakan tudung dengan cara pemakaian yang sempurna, namun kesopanan mereka masih terserlah memandangkan ajaran agama pada ketika itu kurang menitikberatkan pemakaian tudung. Hal ini jelas menunjukkan bahawa P. Ramlee mengangkat tinggi adab kesopanan masyarakat Melayu melalui cara mereka berpakaian.

Di samping itu, P. Ramlee menekankan tema pendidikan sebagai tema utama di dalam filem *PBL* (1959). Beliau memaparkan permasalahan buta huruf yang menjadi satu unsur negatif serta 'penyakit' yang melanda sebahagian besar masyarakat di dalam filem ini. Walaupun filem ini mengambil latar masa selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, namun masih ramai yang mempunyai masalah buta huruf ini. Hal ini demikian kerana kesedaran tentang kepentingan pendidikan hanya wujud selepas tentera Jepun menyerah kalah dan sikap kerajaan British yang cuba melepaskan tanggungjawab mereka terhadap pendidikan rakyat tempatan dapat dilihat ketika kaedah 'Bantu Diri' diperkenalkan (Najihah Abdul Mutalib, 2009).

Melalui masalah buta huruf, timbulnya pelbagai masalah kepada manusia disebabkan oleh kurangnya kesedaran tentang pendidikan. P. Ramlee juga menunjukkan bahawa masalah buta huruf ini bukan sahaja dihadapi golongan warga emas tetapi juga perkara ini dihadapi oleh golongan muda. Hal ini ditonjolkan melalui watak-watak pelajar di Sekolah Umum Buta Huruf. Sebagai seorang pengarah yang bijak, P. Ramlee berlaku adil kepada watak-watak yang ditampilkan. Beliau tidak hanya menasaskan bahawa warga emas sahaja yang mengalami masalah buta huruf. P. Ramlee juga bijak dalam menyampaikan mesej kepada khalayak bahawa masalah buta huruf kepada khalayak penonton. Hal ini dinyatakan kerana budaya buta huruf telah menyebabkan terganggunya perkerjaan dan aktiviti harian dalam kehidupan manusia keseluruhannya.

P. Ramlee juga telah menyuntik kesedaran tentang kepentingan ilmu dengan mewujudkan watak Pendekar Mustar. Watak ini mewakili masyarakat yang mementingkan pendidikan. Melalui watak Pendekar Mustar ini juga, P. Ramlee secara tidak langsung mengangkat tinggi kedudukan seorang guru. Pendekar Mustar digambarkan sebagai seorang yang mahir dalam ilmu persilatan. Selain mengajar ilmu persilatan kepada Ramli, Sudin dan Ajis, Pendekar Mustar juga menyedari pentingnya institusi pendidikan di sekolah. Buktinya, Pendekar Mustar mengarahkan Ramli, Sudin dan Ajis untuk belajar ilmu membaca di sekolah. Dalam pada itu juga, Ros yang merupakan anak gadis kepada Pendekar Mustar bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Umum Buta Huruf. Hal ini telah membuktikan bahawa Pendekar Mustar turut menerapkan kepentingan ilmu pengetahuan kepada Ros. Begitu juga dengan watak Aini. Aini digambarkan sebagai watak yang berilmu kerana Aini bukan walaupun hanya bekerja sebagai pembantu rumah, Aini mempunyai pengetahuan dalam membaca.

Selain mengangkat tinggi darjat seorang guru, P. Ramlee juga secara tidak langsung telah mengangkat tinggi darjat wanita dalam filem *PBL* (1959) menerusi aspek pendidikan. Hal ini dibuktikan melalui watak Ros, Aini dan guru-guru disekolah yang kesemuanya berjantina wanita. P. Ramlee turut menepis kelaziman kerana wanita umumnya dikaitkan sebagai 'orang dapur' sahaja. Selain itu, terdapat adegan Aini membantu Ramli, Sudin dan Ajis membaca surat yang dikirimkan oleh Ros. Adegan ini bukan dipaparkan untuk menimbulkan unsur kelucuan semata-mata, namun adegan ini menunjukkan bahawa kaum wanita mampu melengkap kelemahan yang dimiliki oleh kaum lelaki.



Di dalam mengupas aspek sosial ini juga, institusi kekeluargaan merupakan salah satu elemen yang penting. Hal ini demikian kerana nilai-nilai sosial di dalam keluarga memainkan peranan dalam menggambarkan isu masyarakat yang dipaparkan. P. Ramlee dilihat cenderung untuk menggarap nilai kasih sayang dan sifat hormat menghormati antara sesama ahli keluarga. Melalui watak Pendekar Mustar, P. Ramlee telah membicarakan mengenai peranan watak ketua keluarga dalam membentuk keharmonian dalam kalangan ahli keluarga.

Sebagai seorang bapa, kasih sayang Pendekar Mustar terhadap Ros terserlah dalam empat situasi yang berbeza. Pertama, sebagai bapa, Pendekar Mustar bertanggungjawab melindungi keselamatan Ros. Hal ini jelas dilihat apabila Pendekar Mustar segera membuka langkah silatnya untuk melindungi Ros yang pada ketika itu menyangka bahawa dari Ramli, Sudin dan Ajis bertiga adalah pencuri. Kedua, Pendekar Mustar cenderung memilih pendekatan untuk berbicara dengan nada yang lembut apabila Ros menentang keras tindakannya yang mudah meletakkan kepercayaan kepada orang yang tidak dikenali. Ketiga, Pendekar Mustar juga merupakan seorang bapa yang sangat menghormati minat Ros yang gemar mendengar muzik melalui radio. Manakala situasi keempat, sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab, Pendekar Mustar juga menentang keras permintaan Tauke Sampan untuk mengahwini Ros. Hal ini kerana Pendekar Mustar menyedari bahawa Tauke Sampan bukan calon suami yang baik untuk anak gadis kesayangannya itu. Pendekar Mustar lebih mementingkan kebahagiaan Ros berbanding dengan wang ringgit dan harta benda.

Selain itu, sebagai suami yang mengasihi isterinya, hubungan baik pasangan suami isteri ini terserlah dengan adanya komunikasi yang berjalan secara baik di antara mereka. Pendekar Mustar sangat menjaga tutur kata apabila berbicara dengan isterinya. Kemesraan hubungan suami isteri ini juga ditonjolkan dalam adegan Pendekar Mustar mengajak isterinya masuk ke dalam bilik selepas menemui Ros. Mereka keluar dari bilik Ros dalam keadaan berpelukan (rujuk Rajah 1) yang mana hal ini jelas menunjukkan bahawa rasa kasih sayang tidak dibataskan oleh usia perkahwinan. Dalam waktu yang sama juga, Isteri Pendekar Mustar memainkan peranan dalam keharmonian hubungannya bersama Pendekar Mustar. Isteri Pendekar Mustar digambarkan sebagai seorang isteri yang kasih kepada suaminya apabila dia sentiasa meletakkan rasa hormatnya terhadap suaminya di tempat yang tertinggi. Senario ini dipaparkan menerusi perwatakannya yang cenderung untuk mendahulukan pendapat suaminya jika ada sebarang masalah yang berlaku.



**RAJAH 1: Kasih Sayang antara Pendekar Mustar dan Isteri**

Di samping itu, kasih sayang antara ibu dan anak turut diserlahkan di dalam filem *PBL* (1959). Ros digambarkan sebagai seorang anak yang mempunyai hubungan rapat dengan ibunya. Hal ini dapat dilihat apabila Ros bebas menyuarakan pendapat kepada ibunya. Di dalam satu adegan, Ros berani untuk menyatakan ketidakpersetujuannya terhadap tindakan Pendekar Mustar yang membawa Ramli, Sudin dan Ajis ke rumah. Walau bagaimanapun, Ros tidak seharusnya dilabel sebagai anak yang tidak menghormati ibu bapa. Hal ini dipaparkan untuk menunjukkan bahawa Ros seorang anak yang manja serta Ros mempunyai hubungan yang baik bersama ibunya. Misalnya:

ROS  
Bencilah bapak tu. Asal jumpa orang sahaja bawak naik ke rumah,  
asal jumpa orang sahaja bawak naik ke rumah.  
ISTERI PENDEKAR MUSTAR  
Eh...eh... Kenapa kau ni Ros tahu-tahu nak mengaruk sahaja.  
ROS  
Bapak tu lah. Orang yang bertiga tu, kejar Ros dari sekolah bila  
sampai di sini sahaja bapak  
ISTERI PENDEKAR MUSTAR  
Orang yang bertiga mana?  
ROS  
Itu di luar tu. Entah Bujang Lapok agaknya.  
ISTERI PENDEKAR MUSTAR  
Bujang Lapok? Ha... nanti mak tengok.

(Transkrip *PBL*, 2006: 46&47)

Selain mengamalkan nilai kasih sayang, Pendekar Mustar dan isterinya juga digambarkan sebagai pasangan suami isteri yang sangat menghormati pembantu rumah dan tetamu yang bertandang ke rumah mereka. Walaupun Aini hanya bekerja sebagai seorang pembantu rumah, namun mereka memberikan layanan yang baik kepada Aini. P. Ramlee juga menunjukkan bahawa Pendekar Mustar dan isterinya mengamalkan ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian mereka. Hal ini demikian kerana, agama Islam merupakan agama yang menuntut umatnya menyantuni dan memuliakan tetamu. Ini dapat diperhatikan apabila sepanjang Ramli, Sudin dan Ajis berada di rumah mereka, kebajikan mereka bertiga dijaga baik oleh Pendekar Mustar sekeluarga. Pendekar Mustar turut berbesar hati mengajar ilmu persilatan kepada Ramli, Sudin dan Ajis walaupun mereka baru sahaja saling mengenali.

Di dalam filem *PBL* (1959) ini, P. Ramlee juga memaparkan pelbagai nilai moral yang terdapat dalam diri masyarakatnya. Antaranya adalah sikap tolong menolong, taat kepada pemimpin, amalan meminta maaf dan memaafkan serta sikap berhati-hati. Kesemua nilai murni ini digarap dengan baik oleh P. Ramlee walaupun disampaikan melalui genre komedi. Tolong menolong merupakan salah satu nilai moral masyarakat yang cenderung diterapkan oleh P. Ramlee di dalam cerita ini. Hal ini jelas ditunjukkan melalui watak Ramli, Sudin dan Ajis. Keakraban hubungan persahabatan antara mereka telah mewujudkan nilai bantu membantu dalam menghadapi apa sahaja dugaan atau ujian yang mendatang. Nilai murni ini jelas diperlihatkan bermula pada adegan di penambang sehinggalah pada adegan penculikan.

Sikap tolong menolong ini telah membawa kepada kejayaan mereka bertiga melawan dan menyelamatkan Ros daripada Tauke Sampan dan pekerja-pekerjanya. Sikap tolong menolong ini juga turut dipaparkan melalui watak Pendekar Mustar. Pendekar dengan rela hati membantu Ramli, Sudin dan Ajis untuk mempelajari ilmu persilatan. Sementara itu, watak Aini juga merupakan watak yang mempunyai sifat murni ini. Aini telah membantu Ramli, Sudin dan Ajis untuk membacakan surat yang dikirimkan oleh Ros. Walaupun Ramli, Sudin dan Ajis hanyalah orang asing yang bukan datangnya daripada keluarga Pendekar Mustar, namun Aini tidak berasa keberatan untuk membantu mereka.

P. Ramlee juga tidak ketinggalan dalam menonjolkan nilai ketaatan kepada pemimpin sebagai salah satu daripada nilai moral masyarakat dalam filem *PBL* (1959). Di dalam konteks filem ini, ketaatan kepada pemimpin yang dimaksudkan adalah ketaatan pekerja kepada majikan dan ketaatan murid kepada gurunya. Bagi ketaatan seorang pekerja kepada majikannya, Aini dan pekerja-pekerja Tauke Sampan merupakan watak-watak yang jelas menunjukkan sifat murni ini. Hal ini berikutan dengan sikap mereka yang sangat taat dengan arahan yang disampaikan oleh majikan mereka. Segala arahan yang diberikan diterima dan dijalankan dengan baik. Sikap taat ini juga dipamerkan menerusi watak Ramli, Sudin dan Ajis terhadap guru mereka. Tanpa mengeluh, mereka sedia melakukan segala arahan Pendekar Mustar seperti hadir ke sekolah untuk belajar membaca dan juga bersedia untuk menjalani ujian ‘menentang percubaan’. Ketika mereka menjalani ujian ‘menentang percubaan’ itu bersama-sama di tanah perkuburan, Pendekar Mustar telah menitipkan pesanan buat mereka bertiga. Segala gangguan yang mereka hadapi perlu dianggap sebagai ‘cobaan’. Sikap taat ini juga terserlah apabila guru mereka itu memberitahu mereka bahawa Ros diculik, namun mereka tetap mengganggapnya sebagai ‘cobaan’ yang mana menyebabkan Pendekar Mustar berasa putus asa untuk meyakinkan mereka. Adegan ini mungkin dilakukan hanya untuk menyuntik elemen lucu melalui sifat lurus bendul mereka. Namun, secara tersiratnya, P. Ramlee membicarakan mengenai nilai ketaatan yang harus dipandang tinggi oleh murid kepada guru mereka. Hal ini demikian kerana guru merupakan individu yang perlu dihormati dan ditaati.

Lagu bertajuk ‘*Maafkan Kami*’ merupakan medium yang digunakan oleh watak Ramli, Sudin dan Ajis untuk memohon kemaafan daripada Ros. Unikunya, kata-kata maaf itu tidak dinyatakan secara perbincangan atau bersemuka tetapi menggunakan lirik lagu. Lagu tersebut ditujukan kepada Ros yang ketika itu telah menyangka Ramli, Sudin dan Ajis adalah pencuri yang menggunakan helah untuk belajar silat daripada Pendekar Mustar. Menyedari kedatangan mereka ke rumah Pendekar Mustar itu telah mencetuskan konflik kecil dalam keluarga itu, Ramli, Sudin dan Ajis menyanyikan lagu dengan harapan Ros akan memaafkan mereka. Adegan ini juga merupakan salah satu adegan yang mampu mencetuskan kelucuan dalam kalangan penonton melalui aksi dan lirik lagu tersebut. Namun, P. Ramlee sebenarnya turut sama menyelitkan nilai kemaafan yang lebih besar maknanya. Hal ini dinyatakan kerana Ramli, Sudin dan Ajis tidak melakukan apa-apa kesalahan kepada Ros. Namun, sebaliknya Ros yang sebenarnya telah melakukan kesalahan dengan menuduh mereka sebagai pencuri. Melalui adegan ini, P. Ramlee memperkatakan bahawa sikap mengalah itu tidak akan membawa sebarang kerugian demi untuk menjaga keharmonian sesama manusia.

P. Ramlee juga tidak terlepas dalam mengangkat nilai masyarakat yang mempunyai sikap berhati-hati melalui filem komedi ini. Sikap berhati-hati ini sangat penting untuk mengelakkan supaya diri seseorang itu tidak mudah diperdaya dan ditipu yang akhirnya membawa kemudaratan kepada diri sendiri (Noor Hasnoor, Eizah & Ahmad Ramizu, 2019). Hal ini ditemukan melalui watak Ros. Ros pada awalnya telah meletakkan rasa curiga terhadap kedatangan Ramli, Sudin dan Ajis. Walaupun Ros kelihatan seperti seorang yang tidak mesra

tetamu, Namun, tindakannya itu sebenarnya merupakan satu tindakan bijak memandangkan Ros tidak mengenali mereka sebelum itu. Pelbagai kemungkinan boleh berlaku sekiranya tetamu yang datang itu mempunyai niat untuk melakukan kejahatan terhadap mereka. Walau bagaimanapun, keluarga Pendekar Mustar bernasib baik kerana niat kedatangan Ramli, Sudin dan Ajis ke rumah Pendekar Mustar adalah semata-mata untuk menimba ilmu persilatan.

Di dalam mendalami karya *PBL* (1959) ini, P. Ramlee tidak hanya memperkatakan tentang nilai moral masyarakat sahaja. Namun, beliau juga cenderung untuk membincangkan mengenai kepincangan moral melalui watak-watak yang dihasilkan. Terminologi kepincangan moral yang dimaksudkan ialah berkaitan dengan nilai hidup negatif masyarakat yang diperlihatkan di dalam filem ini. Kepincangan moral masyarakat yang digarap oleh P. Ramlee dalam filem ini adalah seperti amalan sikap mencuri, mempersendakan kesalahan orang lain dan perbuatan menindas golongan yang lemah.

Sikap mencuri merupakan kepincangan yang sangat dominan yang melanda masyarakat di dalam filem *PBL* (1959). Terdapat lima adegan yang menunjukkan bahawa wujudnya amalan mencuri. Amalan mencuri ini ditonjolkan dalam babak pertama dan kesemua adegan itu berlaku di penambang. Dua adegan mencuri berlaku menerusi watak Rahim dan Sharip yang mencuri duit kutipan bayaran tambang sampan. Pada awalnya, Sharip yang melihat Rahim mengambil duit tersebut menegur perbuatan itu tetapi selepas itu Sharip juga melakukan perkara yang sama. Tidak hanya pada itu sahaja, Rahim sekali lagi membuat percubaan untuk mencuri. Rahim cuba mencuri buah pisang milik seorang wanita dan juga buah epal kepunyaan Ramli. Bezanya, perbuatan mencuri ini dilakukan secara berdepan dan terang-terangan. Walaupun perbuatan itu dilakukan secara terang terangan, namun perbuatan mengambil hak kepunyaan orang lain tanpa izin atau persetujuan pemilik juga dianggap sebagai perbuatan mencuri.

Seterusnya, perbuatan mencuri ini turut dilakukan oleh watak Ajis. Ajis telah mencuri duit daripada sebuah laci tempat duit tambang sampan disimpan. Namun, perbuatan ini menjadi sia-sia apabila tanpa disedari, kocek bajunya koyak dan duit-duit yang dicurinya itu tercicir. Melalui adegan yang ditunjukkan ini, P. Ramlee sebenarnya menyampaikan mesej kepada penonton bahawa jika niat dan perbuatan seorang itu tidak baik, pekerjaan yang dilakukannya akan menjadi sia-sia. Di samping itu juga, perbuatan mencuri ini juga dilakukan oleh watak Ramli. Ramli yang telah bertindak melarikan diri bersama-sama dengan Sudin dan Ajis lari menaiki sampan milik Tauke Sampan untuk bergerak ke destinasi yang ingin mereka tuju. Perbuatan ini juga dikategorikan sebagai perbuatan mencuri.

Lewat filem *PBL* (1959), P. Ramlee turut memaparkan wujudnya sikap biadab yang dimiliki oleh golongan muda. Golongan muda yang dimaksudkan adalah pekerja-pekerja Tauke Sampan. Hal ini ditemukan semasa adegan di penambang. Pekerja Tauke Sampan telah membuli, memukul dan melemparkan kata-kata kesat terhadap para penumpang yang ingin menggunakan perkhidmatan sampan mereka. Kebiadaban mereka terserlah dengan kekasaran yang mereka lakukan terhadap orang awam yang majoritinya merupakan warga emas. Kebiadaban mereka dilihat berada di kemuncaknya apabila dua orang daripada pekerja Tauke Sampan iaitu Kemat dan Rafi bertindak untuk memukul Pendekar Mustar. Walaupun pada akhirnya Tauke Sampan berjaya melawan Kemat dan Rafi, namun tindakan mereka yang secara sengaja berniat untuk mencederakan Pendekar Mustar ini adalah suatu tindakan yang tidak wajar dilakukan. Hal ini kerana secara umumnya golongan yang berusia seharusnya dihormati oleh golongan yang lebih muda. Lebih menyedihkan apabila Tauke Sampan melontarkan dialog yang menghina Pendekar Mustar. Dialog tersebut berbunyi:

### TAUKE SAMPAN

Biar orang tua itu mampu. Tua-tuapun tak sedar diri. Biar dia rasa.

(Transkrip *PBL*, 2006: 27)

Selain itu, filem *PBL* (1959) juga turut membicarakan tentang sikap masyarakat yang suka mempersendakan kesalahan orang lain. P. Ramlee menekankan bahawa amalan mempersendakan kesalahan orang lain merupakan suatu perbuatan yang tidak harus dicontohi. Hal ini demikian kerana, amalan ini akan mengakibatkan individu yang ditertawakan akan mengalami kesan negatif seperti rasa malu selain menjejaskan psikologi serta emosi mereka. Peribahasa seperti ‘kata dulang paku serpih, mangata orang dia yang lebih’ sangat bersesuaian ditujukan kepada watak Ramli dan watak Pak Abu. Kedua-dua mereka telah mempersendakan kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Namun, tanpa disedari, mereka turut menghadapi masalah yang sama. Hal ini dapat diperhatikan melalui adegan Ramli yang telah menggelarkan Ajis dengan panggilan ‘bodoh’ kerana Ajis tidak tahu menulis ‘isim’. Namun, sebenarnya Ramli sendiri turut mempunyai kesukaran untuk menulis ‘isim’ tersebut. Begitu juga dengan adegan Pak Abu yang telah mentertawakan Ramli, Sudin dan Ajis apabila ketiga-tiga mereka gagal menjawab pertanyaan Ros di dalam kelas. Tindakan Pak Abu itu kemudiannya telah memberi padah apabila dia juga gagal menjawab dengan betul soalan yang diajukan oleh Ros semasa sesi pengajaran di sekolah.

Menerusi watak Tauke Sampan, P. Ramlee turut menekankan unsur penindasan terhadap golongan lemah yang juga merupakan salah satu kepincangan yang wujud dalam masyarakat bagi filem *PBL* (1959). Tauke Sampan telah melakukan penindasan terhadap para pekerjanya dan juga penindasan terhadap keluarga Pendekar Mustar. Hal ini berpunca daripada sikapnya yang sangat mementingkan dirinya sendiri. Statusnya sebagai majikan tidak digunakan sebaiknya apabila dia bertindak memerintahkan pekerjanya untuk melakukan perkara yang negatif. Sebagai seorang majikan dan seorang yang lebih berusia, Tauke Sampan seharusnya menunjukkan teladan yang baik namun hal sedemikian tidak berlaku. Tanpa disedari, Tauke Sampan sebenarnya telah melakukan penindasan secara halus terhadap para pekerjanya. Penindasan sekali lagi dipaparkan menerusi watak Tauke Sampan. Tindakannya menculik Ros untuk mengahwini gadis itu yang sama sekali melanggar norma kehidupan masyarakat. Hal ini demikian kerana, hajat untuk berkahwin itu seharusnya dinyatakan secara baik seiring dengan budaya masyarakat Melayu yang penuh dengan adab kesopannya. Namun, hal ini dilakukan secara paksaan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Tauke Sampan seorang yang tidak menghormati keputusan orang lain. Tindakan yang dilakukan Tauke Sampan ini adalah satu tindakan yang tidak bermoral kerana telah mengenyahkan adat dan kemanusiaan semata-mata untuk mencapai keinginannya.

#### **i. Isu Ekonomi**

Bagi aspek ekonomi, isu kemiskinan merupakan antara intipati penting dalam membezakan jurang status sosial dalam masyarakat yang dipaparkan. Selain itu, kupasan mengenai bidang pekerjaan masyarakat dalam filem ini juga dibincangkan secara terperinci. P. Ramlee melalui filem ini juga telah menekankan bahawa isu kemiskinan merupakan isu yang sangat serius apabila telah mengakibatkan wujudnya masyarakat yang pincang dari segi moralnya (Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2019). Kepincangan yang timbul akibat kemiskinan telah mencetuskan sikap yang negatif seperti mencuri dan menganiaya orang lain seperti yang dilakukan oleh pekerja-pekerja Tauke Sampan kepada masyarakat di sekeliling mereka. Walaupun perkara yang dilakukan itu sudah terang-terangan

melanggar hukum agama dan menyalahi norma kehidupan manusia namun keterdesakan hidup memaksa manusia melakukan apa sahaja untuk meneruskan kehidupan. Hal ini dapat diperhatikan melalui adegan-adegan mencuri serta adegan pekerja Tauke Sampan menculik Ros.

Isu kemiskinan ini juga telah menyebabkan wujudnya jurang dalam status sosial masyarakat seperti orang kaya dan orang miskin serta pekerja dan majikan. Layanan yang diterima oleh golongan yang berkemampuan juga berbeza daripada golongan miskin. Hal ini diperlihatkan melalui dialog yang dilafazkan watak Pendekar Mustar yang menunjukkan bahawa pekerja-pekerja hanya berbuat baik kepada Tauke Sampan kerana statusnya. Dialog tersebut berbunyi:

**PENDEKAR MUSTAR**

Oh mentang-mentang aku orang miskin kau tolakkan ya. Kau semua pengampu. Pengampu orang kaya.

(Transkrip *PBL*, 2006: 25)

Sementara itu, di dalam filem *PBL* (1959) ini, P. Ramlee turut menampilkan masyarakat yang menjalankan bidang pekerjaan yang pelbagai seperti perniagaan dan pemerolehan pendapatan secara 'makan gaji'. Bagi bidang perniagaan, Tauke Sampan mewakili masyarakat yang menjalankan perniagaan perkhidmatan air. Perniagaan ini menjadi sumber penting kepada masyarakat sekeliling yang mana mereka sangat mengharapkan sampan sebagai kenderaan untuk menjalankan aktiviti seharian. Melalui bidang pekerjaan ini, P. Ramlee secara tidak langsung mengutarakan ajaran agama Islam. Hal ini demikian kerana bidang perniagaan merupakan pekerjaan yang dijalankan oleh Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabatnya dan dianggap sebagai satu ibadah (<http://e-muamalat.islam.gov.my>). Selain itu juga, bidang perniagaan mampu menjana pendapatan yang tinggi serta dapat membantu orang lain dalam mencari nafkah seharian. Hal ini ditemukan melalui watak Tauke Sampan yang mampu memberikan peluang pekerjaan kepada para pekerjanya. Meskipun begitu, perniagaan yang dijalankan haruslah mematuhi prinsip-prinsip agama Islam seperti berlaku jujur, mengelakkan riba dan sebagainya. Di dalam konteks perniagaan yang dijalankan oleh Tauke Sampan ini, pekerjaan yang dilakukan adalah suatu pekerjaan yang baik namun perbuatan negatif dalam mengendalikan perniagaan itu tidak harus dicontohi.

Di samping itu, filem *PBL* (1959) ini turut memperlihatkan masyarakat yang berkhidmat dan melakukan pekerjaan secara 'makan gaji' melalui watak Ros yang bertugas sebagai seorang guru di sekolah. Sementara itu, Pendekar Mustar juga adalah seorang guru yang mengajar silat. Namun perbezaan wujud antara kedua-duanya. Guru-guru di sekolah memberikan pendidikan secara formal manakala Pendekar Mustar pula sebaliknya. Walau bagaimanapun, pekerjaan sebagai guru di sekolah semestinya pekerjaan yang mampu menjana pendapatan manakala pekerjaan menjadi guru silat dijangkakan sebagai pekerjaan yang tidak menjana pendapatan dan hanya dilakukan untuk meneruskan legasi. Seterusnya, filem ini juga memaparkan wujudnya hubungan antara pekerja dan majikan. Pertama adalah Tauke Sampan yang bertindak sebagai majikan kepada pekerja-pekerjanya dan kedua adalah watak Aini yang bekerja di rumah Pendekar Mustar sebagai pembantu rumah. Pekerjaan yang disenaraikan ini juga menunjukkan bahawa mereka ini juga menjalankan pekerjaan secara 'makan gaji'. Namun perbezaan ketara yang diteliti adalah Ros berkhidmat dengan sebuah institusi manakala Aini dan pekerja-pekerja Tauke Sampan bekerja dengan majikan masing-masing secara perseorangan.

ii. Isu Politik

Di dalam filem *PBL* (1959), isu politik juga turut dipaparkan secara tersirat. Perkara ini dipaparkan melalui imej ‘hantu Jepun’ dan pakaian Tauke Sampan. Melalui pemaparan imej ‘hantu Jepun’, P. Ramlee telah menunjukkan bahawa terdapatnya bukti pendudukan kuasa asing seperti Jepun di Tanah Melayu suatu ketika dahulu (Yow Chong Lee & Candida Jau, 2016). Hal ini demikian kerana imej ‘hantu Jepun’ dikaitkan dengan imej kubur yang jelas menunjukkan bahawa tentera Jepun yang pernah menjajah Tanah Melayu telah meninggal dunia. Lazimnya, pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada zaman pra kemerdekaan telah menyebabkan kekacauan dan kemusnahan berlaku terhadap warga tempatan (Ismail Noor & Muhammad Azaham, 2000; Tok Puan, 2016). Melalui filem *PBL* (1959) ini, P. Ramlee secara tersiratnya menonjolkan sikap sebenar tentera Jepun semasa mereka menjajah Tanah Melayu. Perkara ini dinyatakan kerana, melalui dialog dan aksi yang dilakonkan bersama watak ‘hantu Jepun’, watak Ramli telah diganggu semasa menjalankan ujian ‘menentang percubaan’. Misalnya:

RAMLI

Cobaan. Hai... mambang tanah, mambang air, mam... Isk... jangan kacau daa... Hai...mammm...

HANTU GIGI

Kalau kau tak mau pergi dari sini, aku cekik kau.

RAMLI

Eh... Jangan main kasarlah... main kasar ke? Eh... hantu gigi, aku nak belajarlah.

HANTU GIGI

Kau degil ke? Ooo... Engkau main kasar boleh ya. Ooo... kau samseng ye, nanti kau. Eii menyibuk dah ini gigi.

RAMLI

Aikkk, dia bawak geng lah.

HANTU GIGI

Sarjan!

HANTU GIGI

Panggil geng kita semua. Tangkap manusia ini. Potong dagingnya. Buat satay...

HANTU SARJAN

Baik. Hantu! Tangkap manusia itu.

GENG HANTU

Bangsai!

RAMLI

Alamak! Hantu Jepun.

(Transkrip *PBL*, 2006: 915-916)

Ramli yang pada awalnya meminta ‘hantu Jepun’ supaya tidak mengganggunya, namun ‘hantu Jepun’ tersebut telah memanggil rakan-rakan hantu yang lain untuk menangkap Ramli dan dagingnya dipotong untuk dijadikan satay. Dialog tersebut bukan hanya dijadikan bahan jenaka semata-mata, namun P. Ramlee dengan jelas menunjukkan bahawa sikap tentera Jepun yang menindas rakyat tempatan pada masa dahulu. Mereka datang ke Tanah Melayu bukan hanya untuk meluaskan penguasaan politik sahaja, namun mereka juga menindas rakyat

tempatan dengan melakukan pelbagai kezaliman dan kerosakan serta mengancam keselamatan rakyat tempatan terutamanya kaum wanita (Hui Ling, 2009).

Selain itu juga, melalui watak Tauke Sampan dan pekerjaanya, P. Ramlee sekali lagi jelas mengkritik wujudnya penguasaan kuasa asing seperti British terhadap bumi Melayu suatu ketika dahulu. Hal ini demikian kerana baju yang dipakai oleh Tauke Sampan dikenali sebagai *Bush Jacket* dan topi yang dipanggil sebagai *Phit Helmet* (rujuk Rajah 2). Kedua-dua pakaian ini umumnya dikaitkan dengan pakaian yang dipakai oleh orang British dan pakaian ini amat berlainan dengan pakaian yang dipakai oleh masyarakat Melayu yang dipaparkan dalam filem ini. Watak Tauke Sampan merupakan watak yang mewakili sikap golongan imperialis barat yang datang ke Tanah Melayu suatu ketika dahulu atau lebih tepatnya dipanggil sebagai pihak British. Pihak British merupakan golongan penjajah yang memanipulasikan kekayaan di Tanah Melayu dan menukarkan sistem politik yang bersumberkan Islam kepada sistem politik sekular serta menjadikan Raja-Raja Melayu seakan boneka apabila majlis mesyuarat negeri dianggotai oleh Residen British dan wakil saudagar China (Mohamed Ali bin Haniffa & Ayu Nor Azilah binti Mohamad, 2017; Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahmad Farid Abd Jalal, Ahnaf Wafi Alias & Huzaimah Ismail, 2018). Hal ini membawa maksud bahawa pihak British telah melakukan penindasan terhadap rakyat tempatan dan mengubah corak pemerintahan Tanah Melayu.



RAJAH 2: Tauke Sampan Memakai *Bush Jacket* dan *Phit Helmet*

Di dalam konteks filem *PBL* (1959) ini, watak Tauke Sampan merupakan watak yang sangat dominan dengan sikap yang dimiliki oleh pihak British seperti yang dinyatakan di atas. Tauke Sampan digambarkan sebagai seorang ketua atau majikan yang sangat mementingkan dirinya sendiri. Tauke Sampan juga sanggup untuk melakukan apa sahaja untuk menuruti kemahuannya sendiri tanpa memikirkan sebab dan akibat melalui perbuatannya. Di dalam filem *PBL* (1959), Tauke Sampan sanggup menculik Ros demi untuk mengahwini gadis itu setelah lamarannya ditolak. Dia secara sedar telah mengeneipkan adab serta adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu dimana niat untuk memperisterikan seorang gadis itu harus dinyatakan secara baik. Hal ini jelas menunjukkan bahawa P. Ramlee menzahirkan pemikirannya terhadap sikap pihak British yang melakukan penganiayaan terhadap masyarakat Melayu dengan mengeneipkan hak orang Melayu melalui watak Tauke Sampan.



## KESIMPULAN

Konklusinya, P. Ramlee telah menyampaikan pelbagai pemaparan budaya masyarakat Melayu sewaktu Tanah Melayu dalam era akhir penjajahan British yang melatari filem *PBL* (1959). Walaupun dipaparkan menerusi genre komedi, segala isu serta permasalahan masyarakat Melayu seperti isu sosial, ekonomi serta politik dikupas dengan baik. Selain itu, P. Ramlee bijak mengimbangi nilai masyarakat yang dipaparkan di dalam filem *PBL* (1959) ini. Keseimbangan ini dapat diteliti melalui watak-watak yang dipersembahkan yang mana tidak keseluruhannya menunjukkan perwatakan yang positif dan begitu juga sebaliknya. P. Ramlee juga berjaya mengangkat isu-isu yang dianggap sensitif namun dikiaskan serta diselindungi melalui kelucuan yang dipersembahkan.

## RUJUKAN

- Anon. 2016. Wanita 120 Tahun Masih Ingat Kekejaman Jepun. Dlm. *Mstar Online*, 29 Februari. (Atas talian). Muat turun 22 September 2021, daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2016/02/29/wanita-120-tahun/>
- Ayu Haswida Abu Bakar. 2020. Comedy Films of Malaysian Studio Era: A Social Culture Criticism. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10 (12), 2222-6990.
- Buerah Tunggak & Hussin Salamon. 2011. Mengembalikan Kegemilangan Tamadun Melayu-Islam Menerusi Pemupukan Budaya Niaga Berteraskan Akhlak. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation Buerah Tunggak & Hussin Salamon*, 29(2), 123 – 147.
- Habibah Zainal Abidin & Mohd Akram Ismail. 2016. *Meneroka Spektrum Seni Karyawan Filem Generasi Baharu*. Malaysia: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS).
- History Channel*. P. Ramlee. 2010. Malaysia. Persona Pictures Sdn. Bhd. <https://www.youtube.com/watch?v=f5EL1x4ABzk>
- Ismail Noor & Muhammad Azaham. 2000. *Takkan Melayu Hilang Di Dunia*. Malaysia: Pelanduk Publications.
- Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman & Nur Afifah Vanitha Abdullah. 2005. Idiosyncrasy P. Ramlee dalam Genre Filem Komedi. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 4,41-61.
- Khairul Anuar Bahari. 2015. Fungsi Muzik dalam Filem : Filem Ibu Mertuaku. Tesis Sarjana Pusat Kebudayaan Universiti Malaya.
- Lee, Yow Chong and Candida Jau Emang. 2016. Selling the Past in Films: Shaw Brothers and the Japanese Occupation of Malaya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32 (2), 1-16.
- Ling. H.H. 2009. Zaman Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu, 1941-1945: Penentangan Orang Cina Melalui Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA). *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia*. Vol. 37(109 - 125), 1675-0594.
- Masturah Muhammad. (2006). Prinsip dan Konsep Bentuk Filem Nujum Pak Belalang. *Jurnal Skrin Malaysia*, 3, 171 - 180.
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki. 2020. Doa Senjata Orang Beriman. Dlm. *Harian Metro Online*, 28 Mac. (Atas talian). Muat turun 14 Ogos, 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/559415/doa-senjata-orang-beriman>
- Mohamed Ali bin Haniffa & Ayu Nor Azilah binti Mohamad. 2017. Impak Penjajahan British dan Jepun Terhadap Hubungan Melayu-Cina Di Tanah Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2) (2017), 89-98.

- Mohd Ajib. 2020. Doa Senjata Mukmin Paling Ampuh. *Al- Hijrah News*, 26 November. (Atas talian). Muat turun 9 September 2021, daripada <https://alhijrahnews.com/doa-senjata-mukmin-paling-ampuh/>
- Mohd Fauzi. 2015. Analisis Tindak Tutur Performatif dalam Filem Musang Berjanggut Karya P. Ramlee. *Jurnal Pustaka Budaya.*, 2 (2), 217-225.
- Mohd Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan, Roslina Abdul Latif. 2016. Pemuliharaan Warisan Terpinggir: Menaggap Peranan Medium Sinema. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32 (1), 208-223.
- Muhd Abdul Hadi Johari & Ahmad Hakimi Khairuddin 2018. Personalistik, Etiologi Penyakit, dan Sistem Perlindungan Diri: Menyingkap Perspektif Tradisi Masyarakat Melayu Kedah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6 (2), 55-67.
- Najihah Binti Abdul Mutalib. 2009. Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 20(1), 219-240.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah. 2019. Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 30(1),167-187.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor, Eizah Mat Hussain, Ahmad Ramizu Abdullah. 2019. Kesopanan dalam Komunikasi Menerusi Filem Animasi Kanak-Kanak Tempatan. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 368-385.
- Nur Azimah Mohd Bukhari, Puteri Roslina Abdul Wahid & Nurul Haniza Samsudin. 2020. Destar Melayu dari Perspektif Terminologi. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 31(1), 184-209.
- Pendekar Bujang Lapok*. 1959. Filem Cereka. Singapura. Malay Film Productions. [https://www.youtube.com/watch?v=1Cij\\_LQNVHU&t=1588s](https://www.youtube.com/watch?v=1Cij_LQNVHU&t=1588s)
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ahmad Farid Abd Jalal, Ahnaf Wafi Alias & Huzaimah Ismail. 2018. Perbandingan Pendekatan Penjajahan British Dan Belanda. *Jurnal Ilmiah Jurusan Sosiologi. Socio-Politica*, 8 (1), 234-239.
- Roucek, J.S. & Warren, R. L. (1968). *Sociology: An Introduction*. United State America: Littlefield Adam & Co.
- Roucek, J.S. & Warren, R. L. (1979). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. Terj. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhanim Abdullah & Rosnaaini Hamid. 2017. Perceraian dan Rujuk dalam Filem Madu Tiga. E-Proceedings of International Seminar on Islamic Civilization and Thoughts. *INSIST*. Universiti Sains Malaysia.
- Syed Muhd Khairuddin Aljunied. 2015. Film as Social History P. Ramlee's "Seniman Bujang Lapok" and Malays in Singapore (1950's-1960's). *The Heritage Journal*, 2 (1), 1-21.
- Transkrip Pendekar Bujang Lapok*. 2006. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. (FINAS)
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera dalam Sastera Melayu Moden. *Jurnal Akademika*, 69 (Julai), 3 – 16.

**Biodata Penulis:**

**Nur Afifah V. Abdullah (PhD)** adalah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa, Kebudayaan dan Kesenian Melayu, FSSK UKM. Bidang kepakaran Nur Afifah adalah Drama dan Teater. Beliau turut mendokumentasi ilmu dalam bidang Kebudayaan Melayu.

**Intan Zainatul Maria binti Zainudin** adalah graduan Sarjana Sastera Persembahan Seni di Bitara Melayu, FSSK. UKM.